

27 OCT 1999

Mahkamah-Anwar (Rafidah)

RAFIDAH PERNAH LAGA-LAGAKAN SAYA DENGAN PM, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz pernah melaga-lagakannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anwar berkata Rafidah berbuat demikian melalui percakapan dan surat.

"Saya katakan begitu kerana kepada saya, baik percakapan atau suratnya, Rafidah mengkritik dan menyerang Perdana Menteri kerana dikelilingi oleh penjahat dan ghairah dengan projek mega. Tetapi di depan Perdana Menteri saya pula diserangnya," katanya.

Bekas timbalan perdana menteri itu berkata demikian ketika disoal peguam utamanya Christopher Fernando pada hari kedua beliau membela diri pada perbicaraan kes liwat terhadapnya yang masuk hari ke-66 hari ini.

Ketika ditanya sama ada beliau tahu motif Rafidah berbuat demikian, Anwar berkata dia tahu menteri itu mahu menyelamatkan dirinya daripada tuduhan rasuah.

"Beliau tahu beliau akan menghadapi tuduhan rasuah, maka jalan untuk selamatkannya ialah dengan cuba menunjukkan beliau berada di pihak Perdana Menteri dan di pihak saya," kata Anwar.

Sebelum ini, mahkamah diberitahu bahawa lima pertuduhan rasuah telah dicadangkan terhadap Rafidah dan Anwar sendiri yang memaklumkan perkara itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anwar yang dipecat dari kabinet pada 2 Sept 1998 kerana sebab-sebab moral sedang memberi keterangan sebagai saksi pertama pembelaan. Dia juga sedang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah menyalahguna kedudukannya.

Anwar, 52, dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 38, didakwa meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini, pada satu malam, pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, juga dituduh bersubahat dengan bekas menteri kewangan itu untuk meliwat Azizan, bekas pemandu peribadi isteri Anwar di tempat dan pada masa yang sama.

Anwar yang menggunakan isu konspirasi dalam pembelaannya, berkata Rafidah menemuinya selepas mendapat tahu beliau (Anwar) telah memberitahu Perdana Menteri berhubung tuduhan rasuah yang dicadangkan terhadapnya (Rafidah) oleh Peguam Negara.

"Beliau (Rafidah) juga tahu tentang inisiatif yang diambil oleh Datuk Seri Megat Junid (Megat Ayob) untuk membolehkan hukuman diringankan terhadapnya (Rafidah) bagi tuduhan rasuah," katanya

Katanya, dalam pertemuan itu, beliau telah menegur Rafidah dengan keras kerana sebagai menteri kanan, "dia tahu bahawa kita tidak boleh membuat pakatan dengan Peguam Negara dan mempengaruhi hakim seperti mana yang disebut dalam surat Megat Junid."

Semalam beliau memberitahu mahkamah bahawa Megat Junid ketika itu Timbalan Menteri Dalam Negeri, telah menghantar sepucuk surat kepada Perdana Menteri dan salinannya diberikan kepadanya (Anwar).

Megat Junid kini ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna.

Anwar berkata Rafidah juga "mempunyai tanggapan bahawa saya yang memulakan prosiding terhadapnya dengan Peguam Negara dan BPR".

Pada hari pertama membela diri, Anwar telah menamakan empat orang sebagai "kepala konspirator" untuk menjatuhkan beliau termasuk Megat Junid.

Katanya, mereka bertindak demikian setelah beliau membuat aduan kepada Dr Mahathir berhubung salah laku mereka dan Rafidah juga dikatakan terlibat dalam konspirasi itu.

Anwar berkata pada pertemuan itu Rafidah memarahinya kerana melaporkan perkara itu kepada Dr Mahathir dan beliau menjelaskan bahawa laporan itu bukan isu baru kerana Perdana Menteri tahu mengenai hal berkenaan.

"Saya hanya menjalankan tanggungjawab saya. Lagipun pada masa itu, saya adalah pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Pengurusan dan Pengukuhan Kerajaan. Tugas yang amat tidak popular, Yang Arif," katanya sambil tersenyum.

Anwar berkata selepas pertemuan itu, Rafidah ada menghantar surat kepadanya yang mengkritik dan menyerang Perdana Menteri.

"Apabila dia nak kritik PM, dia menulis kepada saya. Apabila dia jumpa PM, dia tuduh saya," katanya.

Anwar berkata walaupun Rafidah cuba membuktikan bahawa beliau (Rafidah) adalah penyokongnya yang setia, "pada ketika itu, mungkin saya percaya sahaja tetapi peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas itu membuktikan di sebaliknya."

"Saya bukannya ahli politik pintar," katanya sambil tersenyum.

Anwar berkata surat Rafidah itu menyatakan antara lain bahawa "PM nampaknya dikelilingi orang jahat dan Tun Daim nampaknya mahu segala-galanya...PM haruslah mengkaji semula penilaiannya terhadap seseorang itu sebelum namanya tercemar...dan kita terlibat dalam banyak sangat projek glamor."

Anwar berkata Rafidah juga menyuarakan rasa tidak puas hatinya terhadap Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin yang dikatakan telah mengambil terlalu banyak projek penswastaan, kepentingan tanah serta saham tetapi masih menjadi penasihat utama Perdana Menteri.

Anwar kemudiannya membacakan surat itu selepas mahkamah menerimanya sebagai barang kes.

Kepada soalan lain, Anwar berkata dia telah meminta pegawai pengiringnya ASP Zull Aznam Haron membuat laporan polis pada 15 Ogos 1997 bagi pihaknya berhubung surat layang bertajuk "Talqin Terbuka Untuk Anwar Ibrahim".

Beliau membuat laporan polis itu selepas dinasihati oleh Pengarah Cawangan Khas polis Datuk Mohamed Said Awang walaupun Dr Mahathir memintanya tidak mengendahkan tuduhan-tuduhan liar seperti itu dan tidak memanjangkannya.

Katanya, beliau telah meminta Cawangan Khas menyiasat perkara itu dengan sepenuhnya dan Mohamed Said memberitahunya bahawa hasil siasatan menunjukkan;

Pertama: Ada konspirasi politik yang melibatkan nama-nama tokoh politik seperti Datuk Aziz Samsuddin (setiausaha politik Dr Mahathir), Daim, Megat Junid dan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik (bekas Ketua Menteri Melaka);

Kedua: Bahawa Ummi Hafilda Ali dan Azizan menyesal dan menarik balik tuduhan, memohon maaf dan tidak mahu diperalatkan lagi oleh orang politik. (Ummi ialah penulis surat "Perihal Salahlaku Timbalan Perdana Menteri" yang dihantar kepada Perdana Menteri yang mengandungi dakwaan salah laku seksual Anwar termasuk pengakuan bersumpah Azizan bahawa dia diliwat Anwar); dan

Ketiga: Siasatan membuktikan peranan orang lain yang menyamar sebagai polis iaitu Mohd Taib Salamon yang dibantu oleh seorang peniaga B.K. Tan. Mereka ini ialah orang yang berkait rapat dengan Aziz.

Anwar berkata Mohamed Said memberitahunya bahawa laporan berhubung perkara itu telah diserahkan kepada Dr Mahathir, yang kemudiannya telah membuat kenyataan terbuka kepada media bahawa ada percubaan untuk menjatuhkan Anwar sebagai timbalannya dan tuduhan-tuduhan itu adalah fitnah dan tidak berasas.

Beliau berkata Dr Mahathir juga membuat kenyataan akhbar mengenai perkara itu yang menyatakan bahawa mereka yang membuat fitnah itu "harus ditembak".

Fernando memberitahu mahkamah bahawa pihak pembelaan akan memanggil wartawan-wartawan yang membuat liputan sidang berita itu sebagai saksi bagi

mengesahkan perkara itu.

Perbicaraan kemudiannya ditangguhkan sehingga esok pagi kerana Anwar perlu mendapatkan pemeriksaan lanjut di Hospital Kuala Lumpur pada pukul 2.15 petang.

-- BERNAMA

SBB NHD MAI